



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI SAARANI BIN MOHAMAD**  
**MENTERI BESAR PERAK**

**SEMPENA**

**PERASMIAN MAJLIS ANUGERAH KUMPULAN INOVATIF DAN  
KREATIF (KIK) PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
TAHUN 2024**

**TARIKH:**

**1 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**MASA:**

**8.30 MALAM**

**TEMPAT:**

**DEWAN CONVENTION CENTRE  
HOTEL CASUARINA@MERU**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Selamat Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Perak  
Sejahtera 2030

Terima kasih diucapkan kepada Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

**Yang Berhormat Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim**

Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

**Yang Berhormat Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin**

Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Perak

**Yang Berhormat Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin**

Pegawai Kewangan Negeri Perak

**Yang Berhormat Encik Teh Kok Lim**

Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak

Darul Ridzuan

Ketua-Ketua Jabatan Negeri Dan Persekutuan

Yang Diraikan Penerima-Penerima Anugerah Kumpulan Inovatif Dan  
Kreatif

Seterusnya Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah, sama-samalah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang melimpahkan nikmat kesihatan dan kesejahteraan sehingga kita dapat berkumpul dalam suasana penuh harmoni sempena Majlis Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2024 pada hari ini.
2. Mewakili barisan pimpinan Kerajaan Negeri Perak, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak selaku urusetia kepada program ini dan seluruh jawatankuasa kerja yang terlibat merancang, menyusun dan menjayakan majlis ini.
3. Untuk makluman semua, penganjuran KIK ini merupakan komitmen dan inisiatif murni Kerajaan Negeri Perak dan agensi-agensi yang terlibat bagi menyemai dan memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti yang bukan sahaja di kalangan warga kerja tetapi ia juga dapat memberi manfaat kepada rakyat.

Dato'-Dato, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

4. Pertamanya, saya hendak memulakan ucapan dengan merakamkan penghargaan dan tahniah kepada rakan-rakan penjawat awam yang telah mengharumkan nama negeri dan negara apabila ciptaan inovasi mereka telah berjaya ke peringkat antarabangsa dan merangkul pelbagai anugerah.
5. Kejayaan itu bukan sahaja mencerminkan kepakaran dan dedikasi mereka, malah menjadi bukti bahawa kita memiliki bakat yang mampu bersaing di peringkat dunia. Saya yakin pencapaian ini akan menjadi inspirasi kepada semua penjawat awam untuk terus berinovasi dan menghasilkan idea-idea yang luar biasa, sesuai dengan cabaran masa kini dan masa hadapan.
6. Kejayaan ini juga membuktikan bahawa budaya inovasi yang kita pupuk dalam sektor perkhidmatan awam bukan sekadar angan-angan kosong, tetapi sebuah realiti yang mampu membawa kita ke tahap yang lebih tinggi. Dengan komitmen berterusan dan semangat untuk sentiasa memperbaiki diri, kita akan terus bergerak maju, memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, dan pada masa yang sama, mengekalkan kecemerlangan kita di mata dunia.
7. Kejayaan ini juga menjadi satu isyarat jelas bahawa negeri Perak berada di landasan yang betul untuk mencapai aspirasi sebagai negeri yang maju, inovatif, dan berdaya saing.

8. Dan inilah sebabnya mengapa kita meneruskan program ini saban tahun – untuk kita mencetuskan lebih banyak idea kreatif dan inovatif – bukan sahaja untuk memantapan sistem penyampaian kerajaan, tetapi berusaha untuk sama-sama mencipta kehidupan rakyat yang lebih baik. Syabas saya ucapkan kepada semua peserta yang telah berusaha tanpa jemu untuk berinovasi dan berkreativiti.

Dato'-Dato, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

9. Dalam dunia hari ini yang semakin pantas bergerak, inovasi bukan lagi satu pilihan tetapi satu keperluan, terutamanya dalam sektor awam. Dengan melaksanakan inovasi, kita dapat memastikan perkhidmatan yang disampaikan kepada rakyat sentiasa relevan, efisien, dan menepati kehendak masyarakat yang semakin kompleks.
10. Saya hendak menarik perhatian kita semua mengenai beberapa ungkapan menarik mengenai inovasi. Bekas Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama pernah menyebut:  
  
*"Masa depan adalah milik mereka yang percaya kepada kuasa inovasi untuk menyelesaikan masalah."*
11. Seorang penulis yang juga wartawan terkemuka, Thomas Friedman dalam bukunya *The World is Flat*, pula menyentuh bagaimana globalisasi dan teknologi mengubah cara kerja kerajaan.

12. Beliau berkata: *"Dalam dunia yang semakin rata, inovasi adalah satu-satunya kelebihan yang berkelanjutan."*
13. Hujah-hujah dari tokoh-tokoh ini mendukung idea bahawa tanpa inovasi, kerajaan akan tertinggal, tidak efisien, dan hilang relevan dalam memenuhi keperluan rakyat serta menghadapi cabaran masa depan. Mereka menggambarkan betapa berkuasanya budaya inovasi dalam kelangsungan sesebuah negara.
14. Kerajaan yang berfungsi tanpa inovasi akan kehilangan keupayaan untuk berkembang dan memenuhi keperluan rakyat dengan baik. Tanpa inovasi, kerajaan tidak akan dapat menyesuaikan diri dengan dunia yang berubah dengan cepat dan akan menjadi tidak kompetitif dalam menarik pelaburan, pembangunan ekonomi, dan meningkatkan taraf hidup rakyat.
15. Dalam hubungan ini, saya melihat budaya inovasi yang kita terapkan sejak beberapa tahun terbelakang ini, menjadi semakin subur. Bukan sahaja dari segi penciptaan polisi dan dasar yang terkehadapan, tetapi juga dari aspek bagaimana kita menonjolkan pendekatan baharu dalam menyelesaikan hal-hal atau masalah yang berkaitan dengan kehidupan rakyat.
16. Aspek pendigitalan misalnya, kita sedaya upaya menjadikan sistem penyampaian kita menjadi lebih pantas dan mudah. Sistem aduan kita juga diperkemas agar memudahkan kita melakukan pemantauan. Pendekatan Hari Bertemu Pelanggan juga lebih mendekatkan kita dengan orang ramai – sesuatu yang tentunya sangat dihargai oleh segenap lapisan rakyat.

17. Dan saya melihat budaya ini menyerap dalam sistem penyampaian kerajaan di semua peringkat. Berdasarkan *Global Innovation Index (GII) 2023* yang dikeluarkan oleh *World Intellectual Property Organization*, Malaysia telah menduduki tempat ke-36 daripada 132 buah negara dengan purata skor 40.9, berbanding purata skor 38.7 pada tahun 2022.
18. Ini menunjukkan peningkatan yang membanggakan dan ia adalah hasil usaha kita untuk terus berinovasi dan berdaya saing. Malaysia juga menduduki tangga kedua dalam kalangan 36 negara berpendapatan sederhana, serta berada di kedudukan kedua di ASEAN selepas Singapura.
19. Bagi Negeri Perak pula, seperkara yang menarik perhatian saya ialah mengenai peratusan peningkatan bagi penyertaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan pada tahun 2024 berbanding tahun 2023.
20. Pada tahun 2023, kita mendapat penyertaan sebanyak 21 kumpulan dan pada tahun ini kita mendapat penyertaan sebanyak 27 kumpulan. Ini membabitkan kenaikan peratusan sebanyak 28.57%. Bagi saya angka ini begitu signifikan.
21. Saya percaya penyertaan ini akan terus meningkat dari tahun ke tahun, dan saya amat menghargai komitmen semua yang telah menyertai dan menjayakan program ini.

22. Kerajaan negeri akan terus komited untuk menyediakan platform dan sokongan yang sewajarnya kepada semua peserta KIK agar idea-idea inovatif yang dicetuskan dapat diterapkan dan memberi manfaat kepada masyarakat.
23. Kerana saya percaya kita semua mempunyai peranan sebagai pemimpin dalam membawa perubahan dan kemajuan. Setiap inovasi yang dihasilkan adalah satu langkah besar ke hadapan. Ia membantu kita mencapai matlamat yang lebih besar, iaitu Pelan Perak Sejahtera 2030.
24. Untuk itu, usaha membudayakan inovasi dan kreativiti perlu diterap dengan lebih pantas dan menyeluruh. Pelaksanaan Pertandingan KIK ini dapat mewujudkan budaya kerja yang mantap, berinovasi, kreatif dan berpandangan jauh bagi meningkatkan kualiti kerja dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan agensi kerajaan kepada masyarakat.
25. Produk akhir KIK perlu menjurus kepada penghasilan *output* dan *outcome* yang berkualiti, serta mampu memberikan impak yang berkesan kepada pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat. Bagi memastikan inovasi yang telah dihasilkan kekal lestari, penganjuran KIK tidak harus dilihat sebagai satu acara tahunan semata-mata yang hanya disertai oleh peserta-peserta konvensyen.

26. Bahkan, KIK seharusnya dijadikan satu mekanisme yang melibatkan penyelesaian masalah, atau penambahbaikan proses kerja dan standard yang sedia ada, atau memperkenalkan sesuatu yang baharu.

Dato'-Dato, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

27. Saya ingin mengajak kita semua, khususnya penjawat awam untuk sama-sama menyumbang idea-idea baru dalam inovasi dan kreativiti. Saudara saudari semua adalah pemimpin masa depan yang akan membawa perubahan dan memperkasakan sektor awam kita. Jangan takut untuk mencuba, kerana setiap idea yang dicetuskan, walaupun kecil, boleh membawa impak yang besar kepada negeri dan negara.

28. Saya sedar, menghasilkan inovasi bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan keberanian, ketekunan, dan juga kesanggupan untuk gagal sebelum berjaya. Namun, saya yakin negeri Perak mempunyai banyak bakat yang mampu melahirkan lebih banyak inovasi berkualiti tinggi.

29. Semoga dengan kejayaan pada hari ini, ia akan membakar semangat untuk terus berusaha menjadi yang terbaik dan terus kreatif dalam merekacipta produk dan inovasi baharu pada masa akan datang.

30. Akhir kata, sama-samalah kita mendukung usaha ini agar Perak mampu memimpin budaya inovasi di negara kita. Saya yakin, dengan komitmen dan kerjasama yang kukuh, kita mampu membawa perubahan yang signifikan dalam membina negeri Perak yang lebih maju, makmur, dan sejahtera.

31. Seiring harapan itu, saya dengan lafaz Bismillahhirahmannirrahim, sukacitanya melancarkan Majlis Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2024.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalaummualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.